

# Umno adakan program jelaskan perjuangan

KOTA KINABALU, Khamis --- Umno akan mengadakan program susulan bagi menerangkan konsep, falsafah dan matlamat perjuangannya kepada rakyat di Sabah secara berperingkat bagi menanam budaya dan tradisi politik Umno di negeri ini.

Program yang sama akan diadakan oleh Pergerakan Wanita dan Pemuda supaya rakyat Sabah benar-benar memahami matlamat perjuangan Umno serta mengelak sebarang kekeliruan pada kemudian hari.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam sidang akhbar sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini, berkata pelbagai usaha dijalankan untuk menjamin kemasukan Umno ke negeri ini tidak disalah anggap.

"Kita bercadang menjelaskan cara Umno, perlembagaan, prinsip dan falsafah supaya rakyat (di Sabah) bukan saja menjadi ahli yang berdaftar, tetapi menjadi ahli Umno yang berkebudayaan, semangat dan cita-cita yang sesuai.

"Proses ini mungkin mengambil masa. Tetapi kita akan susul dengan kursus. Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno juga akan mengadakan kursus untuk ahli mereka," katanya.

Ditanya mengenai perantikan Tun Datu Mustapha Datu Harun sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata perkara itu akan dipertimbangkan.

Menjawab pertanyaan, Presiden Umno berkata, buat masa ini Umno tidak bercita-cita mengembangkan sayapnya ke Sarawak.

Mengenai kempen mengeluarkan Sabah dari Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Kerajaan Persekutuan menyedari perbuatan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menggunakan pelbagai taktik kotor untuk meracuni fikiran rakyat dan meniupkan sentimen anti-Malaysia, termasuk menerbitkan pelbagai buku

yang memburukkan kepemimpinan Kerajaan Pusat dan menimbulkan semula isu 20 Perkara.

Beliau mengakui, ada pihak ketiga terbabit dalam usaha mengeluarkan Sabah dari Malaysia dan kerajaan mengawasi kegiatan itu dengan teliti.

Perdana Menteri mengulangi pendirian kerajaan tidak akan berlembut terhadap sebarang perkara yang memudaratkan keselamatan negara.

Katanya, pihak berkuasa sentiasa mengawasi kegiatan yang dianjurkan oleh Datuk Dr Jeffrey Kitingan (Pengerusi Eksekutif Institut Kajian Pembangunan Sabah - IDS).

Ditanya kenapa kerajaan terus membiarkan Datuk Dr Jeffrey bebas, beliau berkata, kerajaan akan mengikuti pergerakannya dan tindakan akan dikenakan apabila perbuatannya benar-benar memudaratkan keselamatan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menolak dakwaan kononnya Kerajaan Persekutuan sengaja mengadakan tekanan terhadap PBS secara melulu, tetapi menegaskan "kalau tiada salah, macam mana nak tekan."

Mengenai cadangan kerajaan campuran PBS, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno tidak akan menerimanya secara tergesa-gesa, sebaliknya memikirkan implikasi dari semua aspek.

Sebelum itu, dalam ucapannya ketika merasmikan perhimpunan agung Umno, Datuk Seri Dr Mahathir mempertikaikan keikhlasan PBS hendak mengadakan kerajaan campuran dengan Umno.

Menurutnya, cadangan PBS itu lahir kerana mendapati diri mereka kini tersepit.

"Kalau Semangat 46 menang dalam pilihanraya Parlimen lalu, adakah PBS sanggup menawarkan kerajaan campuran itu?" katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, cadangan kerajaan campuran itu juga dibuat kerana pemimpin PBS sedar kedudukan mereka tergugat disebabkan gerak-geri mereka diawasi dari dekat.

Katanya, ini membuktikan cadangan itu adalah untuk kepentingan diri mereka (pemimpin PBS) semata-mata, bukannya untuk kebaikan Umno.